

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [BATU]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**YB PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilakah Malaysia akan bersetuju untuk meratifikasikan International Covenant on Civil and Political Right (ICCPR). Soalan ini pernah diajukan pada Parlimen Ke-12 (5 Mei 2008) oleh Datin Seri Wan Azizah. Menurut data dari United Nations Human Rights Treaty Bodies, Malaysia masih belum meratifikasikan perkara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Untuk makluman Yang Berhormat, *International Covenant on Civil and Political Right* (ICCPR) adalah di bawah bidang tugas Bahagian Hal Ehwal Undang–Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU). Walau bagaimanapun, saya akan menjawab soalan yang diajukan dengan memberi tumpuan kepada proses aliran kerja yang diambil sebelum Malaysia meratifikasi triti antarabangsa.

3. Sebelum Malaysia bersetuju untuk meratifikasi sebarang triti, pihak Kerajaan perlu membuat penilaian terperinci untuk dipertimbangkan, sebelum memberikan apa-apa keputusan. Pihak kerajaan sentiasa bersifat terbuka dan bersedia untuk meratifikasi sebarang triti, sama ada yang mengikat daripada perspektif perundangan (*legally binding*) atau tidak mengikat daripada perspektif perundangan (*non-legally binding*), selagi ia menyumbang ke arah kesepakatan negara dengan undang-undang antarabangsa.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga hari ini, Malaysia telah meratifikasikan lebih daripada 50 perjanjian antarabangsa yang merangkumi isu-isu seperti alam sekitar, hak asasi manusia, keselamatan dan hal ehwal maritim.

5. Dalam proses menjadi ahli kepada mana-mana triti, terdapat ruang atau fasa yang perlu di ambil oleh pihak Kerajaan sebelum keputusan akhir dibuat. Antaranya, Kementerian atau agensi peneraju akan menyediakan kertas cadangan, disusuli dengan penganjuran bengkel atau mesyuarat antara agensi yang terlibat bagi membincangkan cadangan supaya Malaysia menjadi ahli kepada triti yang dimaksudkan, dalam hal ini ICCPR.

6. Kementerian atau agensi peneraju juga akan mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh, akademia dan masyarakat sivil (CSO) bagi mendapatkan maklum balas dan berkongsi input yang diperoleh semasa bengkel dalaman atau mesyuarat antara agensi yang telah dijalankan. Selain itu juga, sesi libat urus akan turut melibatkan orang ramai bagi mendengar pandangan sebelum Kerajaan menandatangani dan meratifikasi sebarang triti antarabangsa.

7. Bagi memastikan proses libat urus memberi impak yang lebih, Kementerian Luar Negeri sedang bekerjasama dengan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR) untuk menterjemahkan 9 perjanjian hak asasi manusia yang utama ke dalam Bahasa Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat dan semua pihak yang berkepentingan dengan memberi pemahaman yang tepat mengenai obligasi negara dan implikasi perjanjian-perjanjian tersebut sekiranya Malaysia meratifikasi setiap triti yang dikenal pasti.

8. Proses aliran kerja yang dilakukan adalah penting, terutamanya yang melibatkan triti yang mengandungi peruntukan undang-undang antarabangsa yang menyentuh perkara-perkara yang melibatkan isu sensitif kepada rakyat tempatan seperti yang terkandung di dalam ICCPR.

9. Sukacita saya ingin tekankan di dalam Dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan akan sentiasa prihatin dengan mendengar, menghormati dan tidak membelakangkan pandangan rakyat dan pemegang taruh yang lain dalam hal meratifikasi sebarang triti antarabangsa. Buat masa ini, Kerajaan masih belum membuat keputusan untuk meratifikasi ICCPR.

Sekian, terima kasih.